

Ubat tradisional haram dirampas

KOSMO 12/7/2011 13.

GEORGE TOWN – Aktiviti memproses ubat-ubatan tradisional termasuk perangsang seks secara haram di sebuah premis di Jalan Pintal Tali, di sini terbongkar selepas serbuan dilakukan Bahagian Penguat Kuasa Farmasi Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) semalam.

Dalam operasi Ops Ubat yang dijalankan kira-kira pukul 3 petang itu, sebanyak 15 jenis ubat bernilai RM150,000 yang dibekalkan di premis lebih 10 tahun lalu itu didapati tidak berdaftar dengan KKM serta tidak mematuhi prosedur operasi standard (SOP).

Malah ketika serbuan, kelihatan ubat-ubatan yang belum dibungkus dibiarkan ter-

dedah manakala kawasan persekitaran di dalam premis kotor dan tidak teratur.

Timbalan Penolong Pengarah Kanan Penguatkuasa Farmasi Cawangan negeri, Mokhtar Abdullah berkata, intipan dilakukan sejak sebulan lalu termasuk di pasar-pasar yang menjual produk syarikat berkenaan.

Menurut beliau, premis dua tingkat yang beroperasi di tiga lokasi berdekatan itu sebelum ini telah membuat pendaftaran terhadap lebih 20 produk keluarannya.

“Bagaimanapun, setelah diperiksa, lesen pendaftaran kesemua produk itu belum diperbaharui yang mana perlu dibuat setiap lima

tahun sekali.

“Kita akan serahkan kesemua ubat-ubatan yang dirampas itu ke Bahagian Pendaftaran Ubat dan di Jabatan Kimia untuk siasatan,” katanya kepada pemberita di sini semalam.

Jelasnya, nilai rampasan produk di premis berkenaan adalah paling besar yang dilakukan secara serentak di sepuluh premis termasuk pasar-pasar di kawasan pusat bandar, Balik Pulau, Sungai Dua dan Bukit Mertajam semalam.

“Kesemua jumlah rampasan berjumlah RM250,000 dan kita akan memanggil kesemua pemilik premis untuk siasatan lanjut,” tambahnya.



STOR barangan perubatan tradisional haram dan ubat perangsang seks yang diserbu KKM di Jalan Pintal Tali, George Town semalam. Gambar kecil, Mokhtar.